

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

HGA 101 Pengantar Geografi

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi LAPAN(8) soalan dan DUA(2) muka surat.

Jawab EMPAT(4) soalan, SATU(1) soalan daripada setiap Bahagian A, B, C dan D. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. Tuliskan dengan ringkas mana-mana Dua(2) daripada yang berikut:
 - (a) Imbangan bahangan bumi dan suria;
 - (b) Rantaian-rantaian makanan;
 - (c) Bezakan di antara sistem morfologi dengan sistem lata;
 - (d) Bezakan di antara maklum balas negatif dengan maklum balas positif.

2. Bincangkan pemindahan bahan dan tenaga di dalam sistem ekosfera. Mengapakah ia penting di dalam Tradisi Sains Bumi?

BAHAGIAN B

3. Tradisi ruangan pada tahun-tahun 1960an adalah jauh berbeza daripada tradisi ruangan selepas tahun-tahun 1960an.

Terangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada kajian-kajian geografi.

.../2

4. Merujuk kepada sama ada Model Von Thunen atau Model Weber jawab kedua-dua soalan yang berikut:
- (a) Apakah ciri-ciri utama model ini?
 - (b) Apakah kritikan-kritikan terhadap model ini?

BAHAGIAN C

5. "Pada dasarnya perkembangan geografi moden dapat digambarkan dengan jelasnya oleh perkaitan manusia-alam".
Bincangkan.
6. Apakah determinisme alam sekitar? Dengan menggunakan contoh-contoh tertentu huraikan sejarah perkembangannya daripada segi penerimaan dan penolakannya oleh ahli-ahli geografi.

BAHAGIAN D

7. (a) Apakah wilayah? Huraikan secara ringkas jenis-jenis wilayah yang dapat dikenalpasti dalam kajian geografi.
- (b) Dengan merujuk kepada satu jenis wilayah bincangkan masalah-masalah yang timbul dalam menentukannya.
8. Berdasarkan kepada sebuah negara di Asia (kecuali Malaysia), huraikan sebab-sebab wujudnya ketidakseimbangan pembangunan wilayah dan bincangkan langkah-langkah yang telah dijalankan untuk mengatasinya.

-ooo000ooo-